

PENGAJARAN GURU OPSYEN DAN BUKAN OPSYEN KEMAHIRAN HIDUP  
BERSEPADU SEKOLAH RENDAH DI BATU PAHAT

\

SITI SALWA BINTI AB. MANAP

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

JANUARI 2014

## ABSTRAK

Kemahiran Hidup merupakan salah satu mata pelajaran yang diletakkan di bawah mata pelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk mengadakan pendidikan Kemahiran Hidup (KH) sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada tahap dua peringkat sekolah rendah di Malaysia. Mata pelajaran Kemahiran Hidup ini digubal ke arah membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam teknologi dan ekonomi serta sanggup bekerjasama dan sentiasa bersedia untuk belajar dalam suasana bekerja. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan persepsi tahap kemahiran mengajar di antara guru opsyen dan bukan opsyen Kemahiran Hidup dan mengetahui pengaruh opsyen guru terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian yang dijalankan adalah kajian tinjauan yang melibatkan data kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel terdiri daripada 199 orang guru Kemahiran Hidup Tahun 5 di seluruh sekolah rendah Daerah Batu Pahat. Kaedah yang digunakan dalam kajian yang dilakukan ialah Ujian-t dengan menggunakan perisian SPSS ver.19.0. Hasil analisis menunjukkan bahawa min persepsi kemahiran guru bukan opsyen adalah tinggi. Begitu juga dengan min persepsi guru opsyen Kemahiran Hidup. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi kemahiran mengajar di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup. Terdapat juga perbezaan yang signifikan di antara pencapaian pelajar yang diajar oleh guru opsyen dengan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup. Diharapkan, dengan terhasilnya kajian ini akan dapat memberi maklumat kepada pihak-pihak tertentu dalam penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia.

## **ABSTRACT**

Life Skills is one of the subjects that are placed under the subjects of Technical and Vocational Education . In 1979 , a Cabinet Committee has decided to hold a Life Skills Education ( KH ) as a compulsory subject for all students at the two primary schools in Malaysia . Life Skills is designed to provide the workforce that is knowledgeable and skilled in technology and economy and are willing to work and always ready to learn in a working environment . This study is to identify the differences in the perceptions of the skills taught in the teacher options and non-options Life Skills teacher options and determine the effect on student achievement in teaching aids . This study is a survey involving quantitative data using a questionnaire as an instrument. The sample consisted of 199 Life Skills Year 5 teacher throughout elementary school Batu Pahat District . The method used in the study was done by t-test using SPSS ver.19.0 . The analysis showed that the mean perception skills teacher not option is high. Similarly teachers' perception Life Skill option. However there are differences in the perception signifikan teaching skills of teachers of teachers is not an option with Life Skills options . There are also significant differences between the achievement of students taught by teachers with options and not options Life Skills teacher . Hopefully , with the creation of this research will provide information to certain parties in improving the education system in Malaysia .

## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.6.1 Hipotesis Null	10
1.6.2 Hipotesis Alternatif	10
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.7.1 Guru-guru Kemahiran Hidup	10
1.7.2 Sekolah	11
1.7.3 Penyelidik	11
1.8 Kerangka Konsep	11
1.9 Skop dan Limitasi Kajian	14
1.10 Definasi Operasional	14

1.10.1	Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	14
1.10.2	Guru-guru Bukan Opsyen	15
1.10.3	Kemahiran	15
1.10.4	Keberkesanan	15
1.11	Rumusan	16
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>17</b>
2.1	Permulaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	17
2.2	Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	20
2.3	Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	21
2.4	Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.	22
2.5	Guru Kemahiran Hidup	28
2.5.1	Mengenal Dan Memahami Orang Lain	30
2.5.2	Cara Memulakan Perbualan	31
2.5.3	Mengingati Nama	31
2.5.4	Bertentang Wajah Dan Wajah Disenangi	32
2.5.5	Tenang Dan Kejelasan	32
2.5.6	Mengambil Tahu	33
2.5.7	Jangan Menyinggung Perasaan	34
2.5.8	Mempertimbangkan Semua Pendapat	34
2.5.9	Menghormati Budaya Dan Adat Resam Seseorang	35
2.5.10	Elakkan Sikap Yang Tidak Menyenangkan	35
2.5.11	Berusaha Membantu	36
2.5.12	Toleransi Dan Rasional	36
2.5.13	Mengkritik	37
2.5.14	Tidak Pilih Kasih	38
2.5.15	Memberi Pujian	38
2.5.16	Tidak Prejudis	38
2.6	Mengajar Di Luar Opsyen	39
2.7	Kajian Dalam Negara	41

2.7.1	Kajian Tentang Pengajaran Di Luar Opsyen	41
2.7.2	Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	43
2.8	Kajian Luar Negara	44
2.9	Rumusan	46
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>47</b>
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Populasi Dan Persampelan	48
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Kesahan Soal Selidik	51
3.6	Kajian Rintis	51
3.7	Prosedur Kajian	52
3.8	Penganalisaan Data	55
3.9	Rumusan	55
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>56</b>
4.1	Pengenalan	56
4.2	Analisis Dapatan Bahagian A (Data Demografi)	56
4.2.1	Opsyen	56
4.2.2	Peratus Kelulusan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	57
4.2.3	Pengalaman Mengajar	57
4.3	Analisis Dapatan Bahagian B (Faktor Persepsi Guru Tentang Kemahiran Memhajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup)	58
4.3.1	Analisis Persepsi Guru Bukan Opsyen Terhadap Kemahiran Mengajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.	59
4.3.2	Analisis Persepsi Guru Opsyen Terhadap Kemahiran Mengajar Dalam	60

	Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.	
4.3.3	Analisis Perbezaan Persepsi Guru Tentang Kemahiran Mengajar Kemahiran Hidup Di Antara Guru Opsyen Dengan Guru Bukan Opsyen.	61
4.3.4	Analisis Opsyen Guru Terhadap Pencapaian Pelajar	63
4.4	Rumusan	64
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>65</b>
5.1	Pengenalan	65
5.2	Perbincangan Kajian	65
5.2.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Persepsi Guru Bukan Opsyen Kemahiran Hidup Terhadap Tahap Kemahirannya Dalam Pengajaran Kemahiran Hidup?	65
5.2.2	Persoalan Kajian 2: Apakah Persepsi Guru Opsyen Kemahiran Hidup Terhadap Tahap Kemahirannya Dalam Pengajaran Kemahiran Hidup?	67
5.2.3	Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Persepsi Guru Tentang Kemahiran Mengajar Kemahiran Hidup Antara Guru Opsyen Dengan Guru Bukan Opsyen?	68
5.2.4	Persoalana Kajian 4 : Adakah Opsyen Guru Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?	69
5.3	Kesimpulan	71
5.4	Cadangan Dapatan Kajian	73
5.4.1	Cadangan Kepada Guru	73

5.4.2	Cadangan Kepada Sekolah	75
5.5	Penutup	77
	<b>RUJUKAN</b>	<b>78</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>86</b>



## SENARAI JADUAL

1.2	Pengadaptasian item bagi pembinaan item faktor kemahiran guru	14
3.1	Soal Selidik	49
3.2	Taburan skala mengikut skala Likert (Konting, 2000)	50
3.3	Perubahan skala Likert 5 mata kepada 2 mata (Konting, 2000)	51
3.4	Pembahagian skala Likert kepada 3 peringkat (Konting, 2000)	51
3.5	Cronbach's Alpha	52
3.6	Kaedah Analisis Data	55
4.1	Bilangan Responden Berdasarkan Opsyen	58
4.2	Bilangan Peratus Kelulusan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	58
4.3	Bilangan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	59
4.4	Analisis Persepsi Guru Bukan Opsyen Terhadap Kemahiran Mengajar Kemahiran Hidup	60

4.5	Analisis Skor Min Persepsi Guru Opsyen Kemahiran Hidup Terhadap Kemahiran Dalam Mengajar Kemahiran Hidup	61
4.6	Analisis Skor Min Persepsi Guru Opsyen Dengan Guru Bukan Opsyen Terhadap Tahap Kemahiran Mengajar Kemahiran Hidup	63
4.7	Hasil Ujian-t Bagi Perbezaan Yang Wujud Di Antara Persepsi Guru Opsyen Dengan Guru Bukan Opsyen Terhadap Tahap Kemahiran Mengajar Kemahiran Hidup	63
4.8	Analisis Skor Min Opsyen Guru Terhadap Pencapaian Pelajar	64
4.9	Hasil Ujian-t Bagi Perbezaan Yang Wujud Di Antara Guru Opsyen Dengan Guru Bukan Opsyen Kemahiran Hidup Terhadap Pencapaian Pelajar	64

## **SENARAI RAJAH**

1.1	Model Proses Pendidikan (Alias Baba)	12
1.2	Kerangka Teori (Diadaptasidaripada Model Pendidikan Alias Baba)	13
3.1	Prosedur Kajian	53

## **SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH**

KH	-	Kemahiran Hidup
KHB	-	Kemahiran Hidup Bersepadu
KBSR	-	Kurikulum Bersaskan Sekolah Rendah
P&P	-	Pembelajaran dan Pengajaran
GPS	-	Gred Purata Sekolah
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
PTV		Pendidikan Teknik dan Vokasional

## SENARAI LAMPIRAN

A	Soal Selidik	86
B	Borang Pengesahan Soal Selidik	91
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	99
D	Data Kajian Sebenar	116
E	Carta Gantt	119

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan adalah bersifat global. Semua manusia berhak untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Pendidikan yang diterima akan mempengaruhi perjalanan kehidupan manusia. Setiap mata pelajaran yang dipelajari pasti ada kegunaannya. Manusia perlu berusaha untuk mendapatkan ilmu mengikut kemampuan diri masing-masing. Mata pelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) telah mula diperkenalkan pada tahun 1918 di beberapa buah sekolah di negeri Melayu bersekutu dan pada masa itu ianya dikenali sebagai Sekolah Tukang. Kemahiran Hidup merupakan salah satu mata pelajaran yang diletakkan di bawah mata pelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk mengadakan pendidikan Kemahiran Hidup (KH) sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada tahap dua peringkat sekolah rendah di Malaysia. Mata pelajaran ini bertujuan memberi murid pengetahuan asas ketukangan, perkebunan, jahitan dan perniagaan serta memberi murid pengalaman menghasilkan projek yang mudah (KBSR KH, 2000).

Mata pelajaran Kemahiran Hidup ini digubal ke arah membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam teknologi dan ekonomi serta sanggup bekerjasama dan sentiasa bersedia untuk belajar dalam suasana bekerja. Tenaga kerja yang sedemikian rupa dapat memenuhi inspirasi, aspirasi dan keperluan negara yang sedang membangun dalam zaman yang sedang menyaksikan kemajuan teknologi komunikasi maklumat. Kemahiran Hidup merupakan mata pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Kemahiran Hidup yang ditawarkan kepada semua murid sekolah rendah melibatkan murid Tahun 4, 5, dan 6. Ia dirancang sedemikian

rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (KPM,2002). Ini selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Proses pendidikan merangkumi segala pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh seseorang sejak zaman kanak-kanak dalam situasi yang formal iaitu di sekolah atau institusi-institusi lain

Mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah merupakan satu proses pembelajaran melalui pengalaman. Murid-murid akan diajar untuk menjalankan aktiviti supaya dapat menguasai kemahiran praktis yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian. Pendedahan ini akan menjadikan murid lebih inovatif, produktif dan lebih cenderung kepada alam reka cipta. Dalam konteks ini, guru memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan. Mata pelajaran Kemahiran Hidup bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang berorientasikan teknologi selaras dengan hasrat negara dan perkembangan industri elektronik yang pesat berkembang di negara ini. Pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup secara berkesan di sekolah yang diajar mengikut sukatan yang telah ditetapkan menjadi faktor utama untuk membantu pelajar dalam memberikan pendedahan terhadap kemahiran dan teknologi. Chan (2002) mengatakan guru Kemahiran Hidup mempunyai kemahiran mengajar yang baik untuk merancang komponen pengajaran supaya boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar terhadap pelajarannya. Secara tidak langsung akan menimbulkan kesedaran kepada murid-murid agar peka terhadap perkembangan dan perubahan teknologi dengan harapan untuk melahirkan masyarakat yang cenderung dengan perkembangan baru berasaskan kepada sains dan teknologi.

Melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup yang bercorak kerja praktis dan amali, membolehkan murid-murid menggunakan alat tangan untuk membuat perkakas yang mudah, mengendali, menyelenggara dan membaik pulih alat atau mesin mudah (serta boleh mereka cipta ). Secara tidak langsung akan menimbulkan kesedaran kepada murid-murid agar peka terhadap perkembangan dan perubahan teknologi dengan harapan untuk melahirkan masyarakat yang cenderung dengan perkembangan baru berasaskan kepada sains dan teknologi. Menurut Singh (2007), kemahiran-kemahiran professional yang perlu dimiliki oleh seorang guru terdiri

daripada kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran merancang, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mengurus.

Profesion keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Justeru itu, dengan pelaksanaan berbagai-bagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar. Perbezaan pencapaian murid-murid dalam sekolah turut dipengaruhi oleh perbezaan yang ketara dalam diri guru-guru yang menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah sekolah tersebut. Menurut Sulaiman (2003), guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid setiap hari. Ini disokong oleh Sparks (2003) yang berpendapat bahawa guru adalah agen-agen perubahan yang penting dalam memastikan sekolah mereka menjadi sekolah yang berkesan.

Hook dan Vass (2000) mendefinisikan peranan kepimpinan guru bilik darjah sebagai satu kemahiran di mana guru menggunakan gaya kepimpinan untuk ketrampilan dirinya dan berkomunikasi dengan yang lain. Kemahiran bukan sahaja kebolehan guru untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar, bahkan dapat meyakinkan serta mempengaruhi mereka. Menurut Hook dan Vass (2000), peranan kepimpinan guru yang berkesan memerlukan guru yang memiliki kemahiran-kemahiran yang merangkumi, boleh mengembangkan keupayaan untuk memahami dan mempunyai visi; mempunyai kemahiran menghasilkan hubungan yang berkesan; memahami tingkah laku dan keinginan murid-muridnya, memahami bilik darjah adalah satu sistem; dan berkebolehan mencari penyelesaian dan menganalisis maklumat.

Secara amnya, proses pembelajaran dan pengajaran berlaku di dalam bilik darjah. Responden adalah terdiri daripada para pelajar, manakala guru-guru bertindak sebagai pemimpin. Pembelajaran yang bermakna selalu dikaitkan dengan kualiti peranan kepimpinan guru sama ada berjaya mendorong, bertindak sebagai perujuk, dan berkebolehan mempengaruhi murid untuk berusaha mencapai sesuatu objektif umpamanya objektif pembelajaran. Pelaksanaannya dapat dijayakan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan merujuk kepada usaha yang digerakkan ke arah pencapaian hasil pembelajaran mengikut topik yang diajar. Kejayaan guru sebagai pemimpin akan terserlah dalam keupayaannya membuat perubahan di dalam bilik darjah menerusi kolaborasi



bersama murid-murid ke arah pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran. Peranan kepimpinan guru juga dikaitkan dengan orang yang berkebolehan merancang, memberi arahan, mengawal perjalanan proses dan membentuk strategi bagi mencapai matlamat. Oleh itu, pemimpin harus berkebolehan dan berupaya mengubah penakulan tingkah laku atau sikap subordinat bagi mendorong ke arah pencapaian matlamat.

Dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup, pembelajaran dan pengajaran secara amnya akan berlaku di dalam bengkel Kemahiran Hidup. Di dalam bengkel ini, guru akan memperkenalkan teori dan seterusnya melakukan amali. Murid-murid kemudiannya akan turut melakukan kerja-kerja amali sama ada secara individu mahu pun berkumpulan. Oleh yang demikian, pengetahuan teori dan kepakaran dalam kemahiran yang diajar seharusnya menjadi elemen yang sangat penting demi memastikan segala objektif yang ingin disampaikan akan tercapai. Penggabung jalinan di antara elemen pembelajaran dan nilai murni juga harus dilakukan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran berlaku. Usaha ini mampu membentuk modal insan yang kreatif, berfikiran luas, bijak berfikir dan penyayang di samping dapat menguasai ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan dan bermakna lantas dapat mengaitkan ilmu pengetahuan sedia ada kepada realiti kehidupan sebenar (Baharen *et al.*, 2011).

Kajian Hallinger *et al.* (1983) yang menunjukkan ciri-ciri yang ada pada sesebuah sekolah sebenarnya memberi kesan yang mendalam perlu diambil kira dalam membentuk model peranan kepimpinan guru yang berjaya. Peranan kepimpinan guru yang diamalkan oleh guru bukan sahaja boleh menentukan pencapaian matlamat sebuah bilik darjah malah memberi kesan ke atas semua individu yang ada dalam bilik darjah tersebut. Ini sekaligus dapat menyumbang kepada pencapaian keseluruhan sekolah dan juga negara. Ini akan menghasilkan generasi peneraju negara pada masa akan datang mempunyai kualiti ilmu yang tinggi kerana mendapat pendidikan daripada mereka yang professional.

## **1.2 Latar Belakang Masalah.**

Kemahiran Hidup merupakan Mata Pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Ia ditawarkan kepada semua murid dari tahun 4 hingga tahun 6. Ia dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti

negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (KPM, 2002). Pembelajaran Kemahiran secara jelas melatih pelajar mempertingkatkan kemahiran kognitif, psikomotor dan efektif secara bersepadu, dan ini sangat penting demi menjayakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjurus kepada pembinaan insan yang harmoni dan dapat memberikan sumbangan kepada negara, masyarakat dan keluarga.

Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk menjadikan pendidikan Kemahiran Hidup (KH) sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada tahap dua peringkat sekolah rendah di Malaysia. Perkembangan ini juga adalah ekoran daripada pendapat ramai bahawa sistem pendidikan di Malaysia ketika itu sudah tidak sesuai lagi kerana terlalu banyak memberi tekanan kepada mata-mata pelajaran akademik dan peperiksaan sahaja. Kajian Ali *et al.* (2009) menunjukkan perancangan pembangunan sektor pendidikan yang baik dan berkesan mampu mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara. Oleh yang demikian, mata pelajaran KH telah dimasukkan dalam satu kurikulum baru yang dinamakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan pada masa itu. Pusat Perkembangan Kurikulum telah ditugaskan untuk merancang satu sukatan pelajaran KH untuk Tahun III hingga VI yang dinamakan Tahap Dua. Program KBSR ini telah diuji pada tahun 1982 di beberapa buah sekolah yang terpilih dan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1983.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup bertujuan untuk mengembangkan kemahiran manipulatif, kemahiran sosial dan penanaman semangat keusahawanan, daya merekacipta serta etika kerja dalam kalangan pelajar. Melalui kemahiran asas praktikal, pelajar digalakkan berdikari dalam berhadapan dengan kehidupan. Mata pelajaran Kemahiran Hidup berasaskan bidang teknologi, bidang ekonomi dan bidang sosial. Kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup disusun sedemikian dengan cantik supaya ketiga-tiga bidang kemahiran asas praktik dan nilai etika kerja dikenal pasti. Penekanan kepada kemahiran menjalankan kerja sendiri yang mudah, mengendali dan mengurus hal peribadi dan domestik dan urusan mengendalikan urusan ekonomi secara cekap dan berkesan. Begitu juga dengan kemahiran sosial ke arah peningkatan kesejahteraan keluarga (Ee, 2005).

Kerajaan Malaysia sangat menekankan usaha bagi membangunkan modal insan yang berkualiti dengan merangka pelbagai plan pembangunan terutamanya

Plan Pembangunan Pendidikan. Wan Ali (2000) mendapati guru perlu mempunyai kepakaran dari pelbagai aspek seperti penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar, menguasai kaedah pengajaran dan pengurusan disiplin pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar. Guru seharusnya mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam penguasaan mata pelajaran tertentu. Kreativiti guru yang tinggi membuatkan para pelajar sukan berada di dalam proses pembelajaran dan pengajara. Ini bertepatan dengan pendapat Sulaiman (2004) yang mengatakan bahawa guru hendaklah mempunyai ilmu khususnya dalam bidang mata pelajarannya.

Namun demikian, pada masa kini terdapat isu di mana mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar oleh guru-guru bukan opsyen, terutamanya di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia. Mata pelajaran Kemahiran Hidup dianggap sebagai mata pelajaran sampingan yang harus dipelajari tetapi tidak terlalu diberikan tumpuan seperti mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Ini adalah kerana kurangnya kesedaran dan tidak tahu apakah objektif sebenar serta kebaikan yang diperolehi apabila mempelajari mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kehidupan.

Daripada pernyataan-pernyataan di atas, penyelidik ingin melaksanakan kajian tentang keberkesanan pengajaran guru opsyen dan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah rendah. Konsep mata pelajaran Kemahiran Hidup menyediakan garis panduan lengkap untuk kehidupan seharian. Lantaran itu, segala permasalahan yang wujud di sekitar perlaksanaannya perlu dikaji, diselidik dan dianalisis bagi memastikan ianya berada pada landasan yang betul. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Satute (2003), penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mata pelajaran menjadi keutamaan kepada guru-guru teknikal. Oleh yang demikian, guru-guru Kemahiran Hidup perlu memahami prinsip-prinsip pembelajaran supaya mempunyai asas yang kukuh untuk membuat persediaan dan pengajaran.

Apabila berlakunya pengajaran di luar opsyen ini, guru tidak dapat mengajar dengan berkualiti dan berkesan. Ini kerana, kandungan isi pelajaran tidak lengkap untuk mengajar subjek tersebut dan guru hanya pakar dalam bidang pengkhususannya sahaja. Semestinya, apabila , guru tersebut dapat mengajar bidang pengkhususannya tiada lagi masalah guru menghadapi kesukaran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan yang berguna dan berkualiti. Hal ini, menyebabkan guru berasa

tertekan kerana mereka perlu belajar mengenai subjek yang bukan bidang mereka. Mereka menganggap ia satu bebanan tugas bukannya sebagai satu tanggungjawab. Seterusnya, guru akan menjadi malas untuk belajar mengenai subjek bukan opsyen dan mengajar pelajar dengan pengetahuan yang sedia ada sahaja tanpa menjana idea pelajar. Justeru, ia membuktikan guru kurang berkeyakinan, kompetensi dan komited dalam pengajaran. Kajian Ethell dan McMeniman (2000), Putnam dan Borko (2000), Shulman (2000), Freeman (2002) dan Hiebert et al. (2002) menunjukkan bahawa pengetahuan guru berkaitan pendekatan pengajaran, isi kandungan dan amalan pengajaran membantu proses P&P di dalam bilik darjah.

Kesan kepada pelajar pula, pelajar akan mudah berasa bosan dengan isi pengajaran guru. Ini kerana, guru tidak menggunakan kaedah pengajaran yang dapat menarik minat pelajar. Hal ini kerana, guru tidak yakin dengan pengajaran yang disampaikan. Manakala pelajar pula merasa tidak yakin dengan pengajaran yang disampaikan oleh guru tersebut. Seterusnya, ia akan melibatkan prestasi pelajar dalam subjek Kemahiran Hidup yang mengakibatkan keputusan peperiksaan subjek Kemahiran Hidup tidak memuaskan. Disebabkan itu, pelajar menganggap mata pelajaran Kemahiran Hidup remeh dan membebankan kerana para pelajar perlu mempelajari teori dan seterusnya melakukan amali untuk memenuhi tuntutan mata pelajaran tersebut. Paling mendukacitakan, sedikit demi sedikit, para pelajar akan hilang minat terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup. Anderson (2006) telah menjalankan satu kajian berkaitan strategi berkomunikasi yang digunakan bagi mengajar kemahiran prapertuturan kepada murid-murid bermasalah pembelajaran mendapati guru selalu mengawal perbualan, menggalakkan pengajaran, menarik minat murid untuk belajar, memberi perhatian, mengulang perkataan dan memudahkan komunikasi.

Inilah senario yang sedang berlaku di negara kita. Impak daripada pernyataan-pernyataan di atas amat besar dan sudah tentu memberi kesan yang besar kepada negara. Ini kerana, Malaysia sedang menuju ke arah negara maju seiring dengan kuasa-kuasa besar dunia seperti Jepun, Korea, German, dan Amerika. Untuk menyaingi mereka, pekerja-pekerja mahir yang lahir daripada aliran teknikal dan vokasional amat diperlukan dalam menjana industri pembuatan dan teknologi di Malaysia. Justeru, mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah asas kepada bidang Teknikal dan Vokasional. Seandainya mata pelajaran Kemahiran Hidup ini diabaikan atau diajar oleh guru yang kurang mahir, maka dikhuatiri generasi-generasi

muda akan datang kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang ini. Oleh yang demikian, guru-guru yang diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup harus berusaha lebih keras bagi memastikan mata pelajaran ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Kajian ini adalah amat penting untuk pihak-pihak yang berkenaan mengetahui dan memastikan bahawa sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar memberikan impak atau kesan yang positif.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran dalam kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang dirancang untuk membolehkan murid-murid menggunakan pelbagai alat dan bahan serta melalui berbagai-bagai teknik untuk menghasilkan sesuatu pengalaman yang membolehkan murid-murid celik teknologi dan memberikan mereka pengalaman mengendalikan pelbagai alat tangan dan bahan. Mata pelajaran ini bercorak amali dan diajar dalam tahap dua di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, guru Kemahiran Hidup seharusnya adalah seorang guru yang terlatih di dalam bidang ini. Delima yang menghantui kebanyakan guru-guru ialah, mereka diarahkan mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup walhal mereka tidak pernah diberikan latihan yang khusus dalam bidang ini. Terdapat rungutan dan keluhan guru-guru tentang masalah yang dihadapi oleh mereka. Namun begitu, tanggungjawab yang diberikan tetap dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Akan tetapi, sejauh manakah guru-guru ini dapat memberikan komitmen dan menguasai kemahiran dalam mata pelajaran ini tidak dapat dikenalpasti. Hal ini akan dikaji dengan lebih mendalam dalam kajian ini. Dalam konteks ini, kemahiran guru dan keputusan pelajar amat dititikberatkan. Kemahiran yang dimiliki oleh guru amat memberi impak kepada keputusan pelajar. Ini juga secara tidak langsung akan memberi kesan yang besar kepada imej sekolah. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian yang dilakukan ini boleh digunakan sebagai salah satu bahan sokongan yang boleh digunakan oleh pihak berkenaan untuk memurnikan dan memperkasakan lagi pengurusan sistem pendidikan di negara ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Antara objektif-objektif yang disasarkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti perbezaan persepsi tahap kemahiran mengajar di antara guru opsyen dan bukan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu.
- ii. Mengetahui pengaruh opsyen guru terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang telah dikenalpasti oleh pengkaji berdasarkan aspek-aspek yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

- i. Apakah persepsi guru bukan opsyen Kemahiran Hidup terhadap tahap kemahirannya dalam pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?
- ii. Apakah persepsi guru opsyen Kemahiran Hidup terhadap tahap kemahirannya dalam pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru tentang kemahiran mengajar Kemahiran Hidup antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen?
- ix. Adakah opsyen guru mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?

#### **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis adalah saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji atau saranan sementara sebagai penyelesaian masalah (Konting, 2005). Berpandukan persoalan kajian yang telah dibina, hipotesis bagi kajian ini dikemukakan dalam bentuk hipotesis nol seperti yang berikut:

### **1.6.1 Hipotesis Null**

- H<sub>01</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru tentang kemahiran mengajar Kemahiran Hidup di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen.
- H<sub>02</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian pelajar di antara guru opsyen dan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu.

### **1.6.2 Hipotesis Alternatif**

- H<sub>a1</sub> Terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru tentang kemahiran mengajar Kemahiran Hidup di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen.
- H<sub>a2</sub> Terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian pelajar di antara guru opsyen dan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberi kepentingan kepada :

### **1.7.1 Guru-guru Kemahiran Hidup**

Sebagai seorang guru yang telah bertahun-tahun mengikuti kursus perguruan, sudah semestinya mereka inginkan mata pelajaran opsyen sebagai mata pelajaran yang akan diajar di sekolah. Hal ini adalah sangat penting demi memenuhi kepuasan setiap individu. Keadaan ini secara tidak langsung menjadi pendorong untuk guru-guru opsyen menjadi lebih kreatif dan bersemangat untuk mencipta inovatif dalam bidang kepakaran mereka. Secara tidak langsung, ini membolehkan mereka menyelami dengan lebih mendalam mengenai bidang kepakaran mereka. Kajian ini diharapkan dapat mendorong mereka supaya lebih fokus dan mendapat kepuasan dalam pengajaran yang dilakukan.

### **1.7.2 Sekolah**

Dengan adanya kajian ini, diharap ianya dapat memberi manfaat kepada pihak sekolah khususnya dan Pejabat Pelajaran Daerah amnya. Ini kerana, seluruh silibus dapat diajar dengan baik dan elemen pengolahan dapat dilakukan dengan sempurna. Latihan amali yang diterima oleh murid adalah pada tahap yang maksima. Justeru, pembelajaran dan pengajaran yang diberikan oleh guru-guru yang benar-benar mahir akan memberi impak yang besar kepada keputusan peperiksaan pelajar-pelajar. Ini juga akan menyebabkan peratusan sekolah meningkat dan Gred Purata Sekolah (GPS) akan lebih mengecil.

Hasil daripada kajian ini, diharapkan pihak sekolah akan menjalankan penyelidikan ke arah penambahbaikan dengan mengagihkan mata pelajaran yang diajar mengikut opsyen guru-guru. Pihak pejabat pelajaran juga boleh mengkaji hal ini dengan lebih mendalam supaya pengagihan guru-guru ke setiap sekolah adalah seimbang dan memenuhi kesemua kehendak mata pelajaran.


### **1.7.3. Penyelidik**

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada penyelidik dalam menjalankan kajian di samping memperoleh pelbagai maklumat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen di sekolah.

## **1.8 Kerangka Konsep**

Sebelum membuat kerangka konsep, maklumat mengenai keberkesanan pengajaran dan model proses pendidikan yang sedia ada telah dikumpulkan. Rajah 1.1 bagi rajah yang pertama dalam Bab 1 di bawah merupakan satu model proses pendidikan yang dibina oleh Baba, (1989). Model tersebut menunjukkan secara keseluruhan faktor-faktor yang dilihat mampu mempengaruhi pencapaian pelajar.






Rajah 1.1: Model Proses Pendidikan (Alias Baba)

Menurut Baba (1989), model ini menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis kumpulan yang akan mempengaruhi hasil pembelajaran. Kumpulan pertama dikelaskan sebagai input daripada pelajar yang melibatkan faktor latarbelakang, kebolehan dan sifat peribadi. Faktor latar belakang merangkumi faktor sosiologi seperti status sosioekonomi, struktur keluarga dan perhubungan interpersonal antara keluarga. Faktor kebolehan dan sifat peribadi merangkumi faktor psikologi seperti kemahiran belajar, strategi belajar, kebiasaan belajar, jantina dan umur. Kumpulan kedua pula melibatkan proses pendidikan yang merangkumi faktor-faktor seperti kaedah pengajaran, aktiviti pembelajaran, jenis kurikulum dan personaliti pensyarah. Manakala kumpulan ketiga melibatkan sikap, motivasi dan harapan serta dikenali juga sebagai kumpulan perantara. Kumpulan ini dipengaruhi oleh latarbelakang, sifat peribadi pelajar, proses pendidikan dan akhirnya mempengaruhi hasil pembelajaran.

Kerangka teori yang dibuat adalah berdasarkan kepada model proses pendidikan yang diubahsuai. Rajah 1.2 bagi rajah ke-2 dalam Bab 1 merupakan kerangka teori yang telah direka bentuk bagi melihat hubungan di antara opsyen dengan keberkesanan pengajaran guru.



Rajah 1.2 : Kerangka Teori (Diadaptasi daripada Model Proses Pendidikan Alias Baba)

Berdasarkan Rajah 1.2 di atas, kerangka teori menerangkan bahawa faktor keberkesanan iaitu kemahiran guru bergantung kepada demografi umur, dan opsyen. Jika ,guru mempunyai opsyen Kemahiran Hidup, adakah guru mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengajaran Kemahiran Hidup? Manakala jika guru daripada opsyen berlainan, adakah ia gagal menguasai Kemahiran dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup? Adakah ini akan mempengaruhi pencapaian pelajar? Di sini, keberkesanan pengajaran akan dilihat. Ini menunjukkan bahawa faktor keberkesanan adalah variabel bersandar (*dependent*), di mana ia akan bergantung kepada demografi iaitu opsyen (*independent*).

Dalam membangunkan instrumen kajian bagi faktor kemahiran guru, pengkaji telah mengadaptasi item-item dari kajian lepas dan mengolahnya agar bersesuaian dengan situasi kajian pengkaji. Pembinaan item-item bagi faktor kemahiran guru diadaptasi dari kajian-kajian lepas seperti pada Jadual 1.1 bagi jadual yang pertama dalam Bab 1.

Jadual 1.2 : Pengadaptasian item bagi pembinaan item faktor kemahiran guru

- 
- i. Faktor Kemahiran Guru – (Adaptasi dari Ali, R. 2009. Kualiti Kerja Guru Memberi Kesan Pencapaian Akademik Pelajar. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
  - ii. Faktor Kemahiran Guru – (Adaptasi dari Salleh, Y. 2010. Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Di Daerah Kluang, Johor – Satu Tinjauan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- 

## **1.9 Skop dan Limitasi Kajian**

Melalui kajian ini, ianya hanya tertumpu kepada pengurusan sendiri guru-guru Kemahiran Hidup dalam meneruskan kelangsungan sebagai seorang pendidik. Kajian ini akan dijalankan ke atas guru-guru Kemahiran Hidup sekolah rendah di daerah Batu Pahat, Johor. Dapatan kajian ini hanya sah digunakan di kawasan yang dikaji sahaja. Segala data adalah bergantung kepada maklumat yang diberi semasa pemerhatian dan pengalaman pengkaji.

Dapatan kajian yang dilakukan hanya boleh diguna pakai untuk kajian yang melibatkan mata pelajaran Kemahiran Hidup kerana mata pelajaran ini memerlukan kemahiran yang mendalam untuk melakukan sesuatu demonstrasi atau amali. Kajian ini hanya terbatas kepada populasi responden daripada guru-guru Kemahiran Hidup sekolah rendah di daerah Batu Pahat, Johor yang merangkumi guru-guru Kemahiran Hidup opsyen dan bukan opsyen.

## **1.10 Definisi Operasional**

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah khusus yang digunakan oleh penyelidik yang mana memerlukan penjelasan agar ia tidak menimbulkan salah faham mengenai maksud istilah yang digunakan semasa kajian ini dijalankan.

### **1.10.1 Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

Menurut PPK (1990), mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah mata pelajaran yang dilaksanakan bagi menggantikan Kemahiran Hidup Program Peralihan. Ia

mengandungi dua bahagian utama iaitu teras dan elektif serta melibatkan pengajaran secara teori dan amali.

### **1.10.2 Guru-guru Bukan Opsyen**

Chan (2002), mengatakan guru Kemahiran Hidup mempunyai kemahiran mengajar yang baik untuk merancang komponen pengajaran supaya boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar terhadap pelajarannya. Dalam kajian ini, guru-guru bukan opsyen membawa maksud guru-guru yang bukan dari aliran atau bidang Kemahiran Hidup dan tiada pengkhususan berkaitan mata pelajaran Kemahiran Hidup.

### **1.10.3 Kemahiran**

Guru seharusnya mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam penguasaan mata pelajaran tertentu. Wan Ali (2000), mengatakan bahawa, guru perlu mempunyai kepakaran dari pelbagai aspek seperti penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar, menguasai kaedah pengajaran dan pengurusan disiplin pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar. Dalam kajian ini, ia membawa maksud kecekapan dan kebolehan guru dalam menguasai kesemua aspek kemahiran-kemahiran bagi memenuhi kurikulum mata pelajaran Kemahiran Hidup.

### **1.10.4 Keberkesanan**

Dalam kajian ini, keberkesanan membawa maksud sejauh manakah pengajaran yang dijalankan oleh-guru-guru. Lie (2004), mengatakan bahawa struktur pembelajaran koperatif yang berkesan dapat memastikan pelajar-pelajar aktif terlibat dalam menstrukturkan pengetahuan mereka dan pada masa yang sama memberi semangat antara satu sama lain dalam mencapai matlamat pembelajaran masing-masing. Keberkesanan juga didefinisikan sebagai keupayaan atau kebolehan untuk membawa serta mewujudkan hasil yang diinginkan.

### **1.11 Rumusan**

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian, kerangka konsep kajian dan definisi istilah yang digunakan di dalam kajian ini. Ia melibatkan isu dan bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan dan masalah yang dikaji dalam kajian ini. Dalam melaksanakan kajian ini, tujuan kajian dinyatakan dan beberapa kemungkinan yang ingin dicapai telah dikaji dalam kajian ini. Ianya juga memberikan kepentingan kepada beberapa pihak dalam membantu untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah supaya lebih berkesan dan efektif. Kajian yang melibatkan guru-guru Kemahiran Hidup di sekolah rendah di daerah Batu Pahat ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup oleh guru opsyen dan bukan opsyen.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

Bab ini menjelaskan dan membincangkan mengenai Keberkesanan Pengajaran Guru Opsyen Dan Guru Bukan Opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Rendah, di Daerah Batu Pahat, Johor. Kajian dilakukan dengan merujuk kepada kajian-kajian dan penulisan yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Dalam kajian ini, penyelidik akan membahagikan kajian literatur ini kepada beberapa subtopik utama iaitu Permulaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup, Mata Pelajaran Kemahiran Hidup, Pengajaran Kemahiran Hidup, Keberkesanan Pengajaran Kemahiran Hidup, Guru Kemahiran Hidup, Mengajar Di Luar Opsyen, Kajian Dalam Negara, Kajian Luar Negara, dan Rumusan.

#### **2.1 Permulaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

Sejak negara ini mencapai kemerdekaan, sektor pendidikan sentiasa diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Peruntukan yang banyak telah disalurkan untuk memajukan sektor ini agar masalah buta huruf dapat diatasi. Tujuan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk mendidik rakyat Malaysia supaya mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara. Kemahiran Hidup merupakan mata pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Kemahiran Hidup yang ditawarkan kepada semua murid sekolah rendah melibatkan murid Tahun 4, 5, dan 6. Ia dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (KPM,2002). Ini selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Proses pendidikan merangkumi segala

pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh seseorang sejak zaman kanak-kanak dalam situasi yang formal iaitu di sekolah atau institusi-institusi lain

Mata pelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) telah mula diperkenalkan pada tahun 1918 di beberapa buah sekolah di negeri Melayu bersekutu dan pada masa itu ianya dikenali sebagai Sekolah Tukang. Kemahiran Hidup merupakan salah satu mata pelajaran yang diletakkan di bawah mata pelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk menjadikan pendidikan Kemahiran Hidup (KH) sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada tahap dua peringkat sekolah rendah di Malaysia. Perkembangan ini juga adalah ekoran daripada pendapat ramai bahawa sistem pendidikan di Malaysia ketika itu sudah tidak sesuai lagi kerana terlalu banyak memberi tekanan kepada mata-mata pelajaran akademik dan peperiksaan sahaja. Oleh yang demikian, mata pelajaran KH telah dimasukkan dalam satu kurikulum baru yang dinamakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan pada masa itu. Sukatan mata pelajaran sedia ada perlulah digubal semula supaya dapat diperluaskan kepada bidang-bidang elektif yang lain agar pelajar-pelajar mendapat pendedahan mengenai pelajaran teknik dan vokasional dalam semua bidang elektif tersebut (KPM, 1979:28). Pusat Perkembangan Kurikulum telah ditugaskan untuk merancang satu sukatan pelajaran KH untuk Tahun III hingga VI yang dinamakan Tahap Dua. Program KBSR ini telah diuji pada tahun 1982 di beberapa buah sekolah yang terpilih dan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1983.

Pelancaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1982 telah memartabatkan mata pelajaran KH sebagai mata pelajaran yang wajib di semua sekolah rendah. Adalah menjadi harapan besar semua pihak terhadap pelaksanaannya. Maka ukuran untuk menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang tidak boleh diabaikan. Keadaan ini menjadikan kanak-kanak berasa senang dan memberi respon secara spontan dalam melahirkan ekspresi diri. Kecenderungan seperti ini apabila dikendalikan dengan baik, memainkan peranan yang efektif dalam proses perkembangan diri kanak-kanak. Oleh yang demikian, pelaksanaan mata pelajaran KH wajib dilaksanakan bagi mencapai impian yang diharapkan dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pendidikan KH ialah mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah. Mata pelajaran ini bertujuan memberi murid pengetahuan asas ketukangan, perkebunan,

jahitan dan perniagaan serta memberi murid pengalaman menghasilkan projek yang mudah (KBSR KH, 2000)

Seiring dengan perubahan dan pembangunan ini, mata pelajaran Kemahiran Hidup telah diperkenalkan pada tahun 1984 dan dikenali juga sebagai mata pelajaran Kemahiran Manipulatif. Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran baru yang digubal mengikut kehendak perakuan-perakuan yang disarankan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1989).

'Adalah diperakukan bahawa kurikulum peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah, iaitu perkukuhan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pravokasional',

dan

'Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehingga ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum mata pelajaran-mata pelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad pada bidang satu mata pelajaran elektif sahaja tetapi juga ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif yang lain'.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1989)

Pada tahun 1992 /1993, sebanyak 1000 buah sekolah merupakan kumpulan yang pertama menjalankan mata pelajaran ini. Pada tahun 1993 / 1994, bilangan sekolah yang dipilih di seluruh negara telah ditingkatkan kepada 3000 buah sekolah. Pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup telah ditingkatkan menjadi 7173 buah sekolah dan melibatkan pelajar tahap dua iaitu tahun 4, 5 dan 6. Pada tahun 1996, mata pelajaran Kemahiran Hidup dilaksanakan di seluruh negara. Kesenambungan daripada peningkatan jumlah sekolah yang mempunyai mata pelajaran Kemahiran Hidup, perubahan yang besar turut berlaku kerana keperluan yang perlu disediakan



untuk melaksanakan mata pelajaran ini. Kurikulum sekolah rendah juga telah diselaraskan dengan Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1993 / 94 menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.(PPK, 1990).

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Satute (2003), penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mata pelajaran menjadi keutamaan kepada guru-guru teknikal. Oleh yang demikian, guru-guru Kemahiran Hidup perlu memahami prinsip-prinsip pembelajaran supaya mempunyai asas yang kukuh untuk membuat persediaan dan pengajaran.

## **2.2 Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

Mata pelajaran Kemahiran Hidup ini diperkenalkan bertujuan untuk membekalkan para pelajar dengan kemahiran asas untuk mereka mengendalikan hidup secara produktif dalam dunia teknologi dan perdagangan (KPM,1992). Kemahiran asas ini disepadukan dengan nilai-nilai murni seperti bersikap positif terhadap kerja, bersifat inovatif, berinisiatif, berdikari, mementingkan keselamatan dan kesihatan serta bermesra dan bersopan santun dalam kehidupan mereka. Kemahiran dan nilai-nilai murni yang diterapkan ini adalah sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (KPM, 1992). Dalam bidang Pendidikan Teknik Dan Vokasional, mata pelajaran Kemahiran Hidup ditawarkan sebagai mata pelajaran wajib untuk semua pelajar di peringkat sekolah menengah. Kini, mata pelajaran tersebut telah pun ditawarkan di sekolah-sekolah rendah.

Pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup secara berkesan di sekolah yang diajar mengikut sukatan yang telah ditetapkan menjadi faktor utama untuk membantu pelajar dalam memberikan pendedahan terhadap kemahiran dan teknologi. Chan (2002) mengatakan guru Kemahiran Hidup mempunyai kemahiran mengajar yang baik untuk merancang komponen pengajaran supaya boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar terhadap pelajarannya. Oleh itu, setiap sekolah perlulah memastikan, guru Kemahiran Hidup merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup mengikut sukatan yang telah ditetapkan. Objektif mempelajari mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah untuk:-

- (i). Memperolehi pengetahuan dan memperkembangkan kemahiran asas yang berteraskan kenal faham teknologi untuk berfungsi secara berkesan dalam urusan di rumah dan tempat kerja.
- (ii). Memupuk sifat kreatif, inovatif, suka berusaha, jujur bekerjasama, dan mengamalkan cara-cara kerja yang sistematik, tabiat kerja yang selamat, sihat dan bertanggungjawab.
- (iii). Menjalankan kerja-buat-sendiri, menyelenggara dan membaik pulih mudah dan menyedari potensi ke arah menjadi usahawan.
- (iv). Menyedari bidang kerjaya berkaitan dengan sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan.
- (v). Mengembangkan kefahaman dan mengamalkan prinsip asas perdagangan dan usahawan supaya boleh bertindak sebagai seorang pengguna atau pengeluar sejajar dengan nilai dan etika perniagaan.
- (vi). Bertindak dengan bijak dan dapat menyesuaikan diri dalam keadaan teknologi dan masyarakat yang sentiasa berubah.
- (vii). Mengembangkan kemahiran mengendalikan urusan diri dan keluarga secara teratur, kemas dan bertanggungjawab selaras dengan nilai dan tatasusila masyarakat.
- (viii). Mencebur diri dalam kegiatan rekreasi yang sihat dan membuat kebajikan kepada masyarakat.
- (ix). Mengumpul dan memproses maklumat secara sistematik dan membuat keputusan yang berguna.
- (x). Mengamalkan sikap dan tabiat yang baik terhadap sebarang kerjaya secara jujur serta menghormati dan menghargai kerjaya kolar biru.

### **2.3 Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

Penekanan kepada kaedah pengajaran yang melibatkan latihan amali menjadikan pengajaran Kemahiran Hidup memerlukan penggunaan alat dan bahan bantu mengajar (ABBM) yang pelbagai dan bersesuaian. Oleh itu semua apparatus ini perlu dirancang penggunaannya dengan teliti serta tersusun semasa proses pengajaran berlaku. Menurut Dawi (2002), dalam sebuah bilik darjah, setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Lantaran itu pengajaran yang dirancang perlu sesuai, disusun (mengikut tahap

pelajar) dan disokong (dengan alat bantu mengajar) bagi meransang perkembangan potensi individu ke tahap yang maksimum. Lantaran itu guru-guru KH yang rata-ratanya berlatarbelakangkan kemahiran teknikal haruslah bijak dan kreatif dalam pengajarannya dengan memperbanyak dan mempelbagaikan penggunaan ABBM dalam pengajaran mereka. ABBM adalah penting dalam pengajaran dan pendidikan kerana ianya dapat meransang minat yang tinggi kepada pelajar untuk belajar.

Penggunaan elemen teknologi multimedia dalam bilik darjah perlulah diaplikasikan sepenuhnya kerana kajian-kajian terkini menunjukkan faedah teknologi ini dalam pengajaran dan pembelajaran (Hassan, 2003). Justeru guru-guru KH hendaklah sentiasa peka dan proaktif terhadap perkembangan semasa tentang kaedah pengajaran terkini serta kesannya ke atas proses pembelajaran pelajar. Mereka juga perlu sentiasa berusaha ke arah menghasilkan pengajaran yang dapat memberikan impak yang positif dan bermakna kepada pelajar. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah, malahan dapat melahirkan pelajar yang dapat menyumbang tenaga kepada pembangunan negara.

#### **2.4 Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

Kurikulum Kemahiran Hidup bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran asas bagi membolehkan mereka mengendalikan kehidupan dengan lebih produktif dalam era yang berteknologi di samping membentuk insan yang seimbang dari

segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Bagi menjayakan pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup, ia memerlukan komitmen semua pihak yang terlibat. Mata pelajaran Kemahiran Hidup juga bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang berorientasikan teknologi selaras dengan hasrat negara dan perkembangan industri elektronik yang pesat berkembang di negara ini. Secara tidak langsung, ini akan menimbulkan kesedaran kepada murid-murid agar peka terhadap perkembangan dan perubahan teknologi dengan harapan untuk melahirkan masyarakat yang cenderung dengan perkembangan baru berasaskan kepada sains dan teknologi. Struktur pembelajaran koperatif yang berkesan dapat memastikan pelajar-pelajar aktif terlibat dalam menstrukturkan pengetahuan mereka dan pada masa yang sama memberi semangat antara satu sama lain dalam mencapai matlamat pembelajaran masing-masing. (Lie, 2004).

Menurut Chua (2001), motivasi (minat) dan semangat baru yang diperoleh dan dipunyai oleh setiap pelajar akan pudar dan luntur tanpa disusuli suatu program pengisian yang positif dan konkrit. Dengan pengisian seperti pembelajaran berkumpul (koperatif) dalam kelas dapat merangsang minda mereka. Ini kerana, mata pelajaran Kemahiran Hidup banyak memerlukan pelajar bekerja di dalam satu pasukan. Hasil daripada proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup ini, pelajar akan mendapat pelbagai kelebihan. Di antaranya ialah memperolehi pengetahuan dan memperkembangkan kemahiran asas yang berteraskan kenal faham teknologi untuk berfungsi secara berkesan dalam urusan di rumah dan tempat kerja.

Selain itu, ianya juga dapat memupuk sifat kreatif, inovatif, suka berusaha, jujur bekerjasama, dan mengamalkan cara-cara kerja yang sistematik, tabiat kerja yang selamat, sihat dan bertanggungjawab. Che Tom (2000) mengatakan bahawa guru-guru perlu menggalakkan para pelajar berfikir agar generasi akan datang mampu berfikir secara kreatif, inovatif dan mempunyai idea yang tuntas. Para pendidik tidak semestinya terikat dengan satu-satu fakta dalam proses penyampaian isi pelajaran masing-masing. Sebaliknya penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran membolehkan minda mereka berkembang dengan lebih sihat dan lebih efisien. Selain itu, mata pelajaran Kemahiran Hidup ini juga mampu memupuk semangat kerjasama atau koperatif. Kaedah koperatif ini menekankan aspek penglibatan murid berbanding kaedah tradisional yang berpusatkan guru. Melalui kaedah koperatif murid semakin berani memberikan idea dan pandangan serta melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Guru hanya bertindak sebagai pemudah cara dalam pembelajaran menggunakan kaedah ini. Sebenarnya kaedah koperatif ini memberi banyak kebaikan dan keuntungan bukan sahaja kepada murid, bahkan ia boleh meningkatkan prestasi sekolah. Selain itu juga, kaedah koperatif ini dapat mengubah diri murid daripada pasif ke aktif.

Selain itu, hasil daripada keberkesanan pengajaran Kemahiran Hidup ini, murid akan dapat menjalankan kerja sendiri, menyelenggara dan membaik pulih mudah dan menyedari potensi ke arah menjadi usahawan. Melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup yang bercorak kerja praktis dan amali ini juga, membolehkan murid-murid menggunakan alat tangan untuk membuat perkakas yang mudah, mengendali, menyelenggara dan membaik pulih alat atau mesin mudah (serta boleh mereka cipta). Penguasaan kemahiran ini dapat membantu murid-murid mengatasi

masalah dalam kehidupan harian yang banyak bergantung kepada kemajuan teknologi. Murid juga dididik untuk bekerjasama dan saling bantu membantu di antara satu sama lain. Menurut Hashim *et.al.* (2007), bagi menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti pembelajaran, gerak kerja kumpulan diadakan supaya pelajar dapat berinteraksi sesama mereka sewaktu perbincangan-perbincangan yang dijalankan. Pembelajaran dilakukan apabila beberapa individu yang mempunyai pencapaian yang sama atau berbeza duduk dalam satu kumpulan untuk membincangkan sesuatu topik dengan menggunakan strategi kognitif yang sesuai sebagaimana diarahkan oleh guru.

Pada peringkat awal pembelajaran Kemahiran Hidup, para pelajar akan diterangkan tentang bidang kerjaya yang akan diceburi adalah berkaitan dengan sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan. Kemahiran-kemahiran yang diberikan perlu bersesuaian dengan kemajuan negara yang kini makin membangun untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang diinginkan (Ku Seman, 2007). Ini kerana, bagi mencapai tahap negara maju, kemahiran yang ada pada setiap pekerja sememangnya amat penting. Tumpuan bukan hanya dalam bidang perindustrian, malah sektor perkhidmatan dan pertanian juga tidak kurang pentingnya. Ini terbukti apabila mata pelajaran Kemahiran Hidup pada peringkat yang lebih tinggi akan diberi pengkhususan supaya para pelajar dapat mempelajari dan menguasai sesuatu bidang dengan lebih mendalam. Sebagai contoh, terdapat pelajar yang mengkhusus dalam bidang perhotelan dan katering di mana mereka terlibat dalam kategori perkhidmatan.

Pendidikan adalah kunci utama 'pengeluaran' atau 'hasil' kehidupan. Pelaburan dalam pendidikan yang bermula daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi mampu memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup seseorang. Justeru itu, penyediaan individu sebagai tenaga kerja merupakan agenda utama pendidikan. Hal ini kerana, pendidikan boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterima. Melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup, para pelajar dapat mengembangkan kefahaman dan mengamalkan prinsip asas perdagangan dan usahawan supaya boleh bertindak sebagai seorang pengguna atau pengeluar sejajar dengan nilai dan etika perniagaan. Menurut Kawachi & Berkman (2003), sikap keterbukaan boleh dikaitkan dengan petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi yang positif seperti pilihan pekerjaan dan pendapatan. Hal

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar, A. N. (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor:UTM.
- Abdul Razak, N., Embi, M. A. & Mustapha, R. (2004). Computer Literacy of English Language Teachers in Malaysian Technical Schools. *International Journal of Vocational Education and Training*, 12 (1), 7–20.
- Abdullah, A. (1999). *Cabaran Yang Dihadapi Guru-guru Sekolah Rendah Kawasan Masjid Tanah Dalam Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.
- Abdullah, M. (2007). *Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di Besut Terengganu*. Jabatan Kemahiran Hidup Institut Perguruan Sultan Mizan: Kajian Kes.
- Ahmad, A. (2003). *Hubungan Keluarga dengan Konsep Kendiri dan Risiko Kepada Penagihan Semula Dadah di Kalangan Penagih Dadah Remaja*. Tesis Sarjana Sains yang tidak diterbitkan, Bangi: UKM.
- Ali, H., Ahmad, L., Ahmad, S., & Ali, N. (2009). Keperluan, Kepentingan dan Sumbangan Perancangan Pendidikan Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia. *Jurnal e-Bangi*, 4(1), 13-29
- Anderson, D. (2006). In or Out: Surprises in Reading Comprehension Instruction. *Intervention in School and Clinic*, 41 (3), 175-179.
- Baba, A. (1989). Beberapa Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Kimia. *Jurnal Pendidikan*, 13 & 14, 19-27.
- Baharen, K., Luaran, J. E. & Mohamed, Z. (2011). National Academic Conference (ENRICH 2011). *A Study on the Level of Skills And Perceptions Towards Information Technology Among Primary School Teacher In Pitas Distric, Malaysia*. Kelantan. Universiti Teknologi MARA.
- Barnett, M. (2004). A Qualitative Analysis of Family Support and Interaction Among African American College Students at an Ivy League University. *Jurnal of Negro Education*. 1-16.

- Brown, S. D. (2003). State Certification Requirements for History Teachers. *ERIC Digest* (ERIC Document Reproduction Service No ED482210).
- Buhler, P. (1995). Leaders vs Managers. *Supervision*, 56(5), 24-26.
- Chan, K. C. (2002). *Kemahiran Mengajar Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) Dalam Kemahiran Hidup Bersepadu di Kalangan Guru-guru Wanita di Sekolah Menengah Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Chan, S. L. (1991). *Kajian Mengenai Sikap dan Minat Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Chang, L. W. (2008). *Beyond Strategic Vision: Effective Corporate Action with Hoshin Planning*. New York: Butterworth-Heinemann.
- Che Tom, C. M. (2000). *Jurnal Bestari : Koleksi Guru Johor*. Jabatan Pendidikan Negeri Johor. (hlmn 48).
- Chek Mat. (2003). *Kemahiran Memimpin*: Kuala Lumpur: Utusan.
- Chua, Y. C. (2001). Personaliti dan Motivasi Pelajar. *Jurnal Pendidikan: PKPSM Johor*, 61-64.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia. Mcgrow Hill.
- Dawi, A. H. (2002). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan : Edisi Kedua*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Day, C. (2004). *A Passion for Teaching*. London: RoutledgeFalmer.
- Ee, A. M. (2005). *Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI): Ilmu pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ethell, R.G. & McMeniman, M.M. (2000). Unlocking The Knowledge In Action Of An Expert Practitioner. *Journal of Teacher Education*, 51, 87-101.
- Freeman, D. (2002). The Hidden Side Of The Work: Teacher Knowledge And Learning To Teach. A Perspective From North American Educational Research on Teacher Education in English Language Teaching. *Language Teaching*, 35: 1-13.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. 7<sup>th</sup>. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Hallinger, P., Murphy, J.F., Weil, M., Mega, R.P. & Mitman. A. (1983). School Effectiveness : Identifying the Specific Practices, Behavior for Principals. *NASSP Bulletin*, 67(463), 83-91.

- Hamdan, A. R. (2007). *Pengajian Kurikulum*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hashim, S., Yaakub, R. & Ahmad, M. Z. 2007. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Hassan, R. (2003). *Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Komputer Dari Perspektif Guru Pendidikan Islam di Daerah Kuala Terengganu*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan.
- Healey ,J. F. (2009). *Race, Ethnicity , Gender and Class : The Sociology of Group Conflict and Change*. 5<sup>th</sup> ed. Newport: Christopher Newport University.
- Hiebert, J., Gallimore, R. & Stigler, J.W. (2002). A Knowledge Base For The Teaching Profession: What Would It Look Like And How Can We Get One? *Educational Researcher*, 31 (5): 3-15.
- Hook, P., & Vass, A., (2000). *Confident Classroom Leadership*. London: Fulton.  
<http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.htm>
- Ingersoll, R.M. (2001). Rejoinder: Misunderstanding the Problem of Out-of-field Teaching. *Educational Researcher*. 30(1), 21-22.
- Ismail, K.. (2006). *Psychological Predictors of Academic Achievement of Adoloescent: Career And Educational Aspirations as Mediating Variables*. International Islamic University Malaysia : Tesis Ph.D.
- Jamaluddin, M.K. (2005). *Kesediaan Guru Bahasa Melayu Menggunakan Teknologi Berasaskan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Projek Sarjana Pendidikan.
- James, R. & Beckett, D. (2000). Higher education and Lifelong Learning: An Australian Perspective. In H. Schuetze dan M. Slowey (Eds.) Higher education and Lifelong Learning: International Perspectives on Change. *Routledge/Falmer: London*, 173-194.
- Jerald, C. D. (2002). All Talk, No Action: Putting an End to Out-of-field Teaching. (ERICDocument Reproduction Service No. ED46874).
- Kamsah, M. F.& Jaafar, A. N. (2006). *Tip Menjadi Individu Menarik*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Kawachi, I. & Berkman, L. 2003. *Neighborhoods and Health*. New York: Oxford University Press.



- Kementerian Pelajaran Malaysia (1990). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Tahun Lima*. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Laporan Jawatan Kuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1991). *Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah*. Kuala Lumpur: Penulis. Murray
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ku Seman. (2007). Kurang Fikir Terhadap Kurang Upaya. *Utusan Malaysia*. Dicapai pada Julai 28, 2007, dari <http://utusan.com.my>
- Kuberan, M. (2008). *Kesediaan Bakal Guru Siswazah Yang Mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Untuk Mengajar Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Ijazah Sarjana Muda.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet. (1988). *Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajar*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lie, A. (2004). *Cooperative Learning : Changing Paradigms of College Teaching*. Surabaya: Petra Christian University Indonesia.
- Macionis, J. J. (1987). *Sociology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Maheswari, A. (2005). *Professional Commitment of Teachers*. Delhi: Gagandeep Pub.
- McLeod, J.D. & Shanahan, M. (1996). Trajectories of Poverty and Children's Mental Health. *Journal of Health and Social Behavior*, 37, 207–220.
- Md. Yassin, S., Lebar, M. S. & Abu Bakar, A. (2002). *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Mohamed Ahasan, N. (2006). *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah Dalam Daerah Kluang*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Ijazah sarjana Muda.

- Mohd Kosnin, A. & Che Ahmad, M. (2010). *Tahap Kesiapan dan Kemahiran Amali Guru-guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd, A. & Abdullah (2005). *Mendorong Kreativiti Kanak-Kanak*. Shah Alam: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Murakami, N. (2006). Not Just a "Jumor"ous" Jext: Humor "as" Text in the Writing Class. *Teaching English in the Two-Year College*, 34(1), 32–40.
- Nordin, A. B. & Othman, I. (2003). *Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum*. Ipoh: Quantum Books.
- Othman, H. (2000). *Minat Pelajar Perempuan Terhadap Komponen Kemahiran Manipulatif Kemahiran Hidup Bersepadu- Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek sarjana Muda.
- Park, I. (2005). Teacher Commitment And Its Effects On Students Achievement in American Highschools. *Educational Research and Evaluation*, 11 (5), 461-485.
- Pearson, J.C. & Nelson, P. E. (2000). *An Introduction to Human Communication Understanding dan Sharing*. 8<sup>th</sup>. Ed. Amerika Syarikat: McGraw-Hill Higher Education.
- Penempatan Guru Tidak Seimbang. (2006). *Utusan Malaysia*. Dicapai pada Mei 20, 2007, dari <http://www.utusan.com.my>
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2000). *Sukatan Pendidikan KH Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: PPK
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Huraian Sukatan Pendidikan KH Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: PPK
- Putnam, R.T. & Borko, H. (2000). What Do New Views of Knowledge And Thinking Have To Say About Research OnTeacher Learning? *Educational Researcher*, 29(1): 4-15.
- Rahman, M.M. (2010). Teaching oral communication skills: A task based approach. *ESP World Issue*, 1 (27), 1-11.
- Romeli, W. (2000). *Sejauh Manakah Penguasaan Kemahiran-Kemahiran Psikomotor Kurikulum KHB (Elemen Kerja Kayu) di Kalangan Pelajar Perempuan di Empat Buah Sekolah Menengah Akademik Bantuan Penuh Kerajaan Kemaman*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.

- Satute, M. (2003) *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Melaksanakan Program MPV di Sekolah-sekolah Menengah Akademik Negeri Johor dan Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda
- Seastrom, M. M., Gruber, K. J., Haeke, R., McGrath, D. J., & Cohen, B. A.(2002). *Qualifications of the Public School Teacher Workforce: Prevalence of Out-of-field Teaching 1987–88 to 1999–2000 (NCES 2002-603)*. Washington, DC: National Center for Education Statistics, U.S. Department of Education.
- Seman, A.A. (2009). Pendekatan Kepelbagaian Budaya dan Sejarah Etnik Ke Arah Pemupukan Integrasi Nasional. Dlm.: Isjoni & Abdul Razaq Ahmad, *Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*, 97 - 112, Pekan Baru: Cendekia Insani & FKIP, UNRI.
- Shari, N. (1998). *Kemahiran Pengajaran Guru Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Shimon, J.M., &Brawdy, P. (2001). A Good Teacher Can Teach Anything? (ERIC Document Reproduction Service No. ED462382)
- Shippen, M. E., & Shippen, S. J. (2004). Seven Characteristics of Affective Leaders. *Classroom Ledership*, 7, 1-3.
- Shulman, L.S. (2000). Domain Expertise And Pedagogical Knowledge. *Journal of Applied Development Psychology*, 21: 129-135.
- Singh, J. R. K. (2007). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Sipon, A. (2005). *Perutusan Hari Guru 2005* dicapai pada Februari 20, 2009 dari Kementerian Pelajaran Malaysia:
- Smolicz, J.J., Hudson, D.M. & Secombe, M.J. (2001). Some Aspects Of Moral Values Among University Students In Three Societies: Poland, Australia And The Philippines. *International Education Journal*, 4: 203-208.
- Sparks, D. (2003), Interview with Fullan: Change Agent. *Journal of Staff Development*, 24(1).
- Sulaiman, E. (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan*. UTM: Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Sulaiman, E. (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Sulong, R. (2002). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Mata Pelajaran Senireka Fesyen Bagi Kursus Seni Reka Fesyen Di Politeknik Johor Bahru*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Sumari, M., Gerard, J. L., Megan, N. S. S. (2009). Family Interaction Patterns: Relation to Career Beliefs and Career Maturity of College Students. *The International Journal of Research and Review*, 2, 1–15.
- Teacher Colleges Now Institutes. (2005). *The New Straits Times*. Dicapai pada April 8, 2007, dari <http://www.nst.com.my>
- Wan Ali, W. Z. (2000). *Memahami Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Wan Mohd Nor, W. N. (2010). *Kesediaan Guru dalam Melaksanakan PEKA Sains PMR di Sekolah Menengah Kuala Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Wanzer, M. B., Frymier, A. B., Wojtaszczyk, A. M., & Smith, T. (2006). Appropriate and Inappropriate Uses of Humor by Teachers. *Communication Education*, 55, 178–196.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y. & Hamdan, A. R. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahaya, A. & Sharudin, S. A. (2011). *Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pelajaran Di Dalam Bengkel Vokasional Di Dua Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Yasin, M. (2009) *Majlis Persidangan Perkembangan Baru Dalam Pendidikan 2010-2012*.
- Yusuf, A. A. (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Zainal, R. I. (2004). Amalan Komunikasi Berkesan di Kalangan Usahawan Tempatan. *Jurnal Teknologi*. 37 (E):5-12.
- Zenger, J. H. & Folkman, J. (2004). *The Handbook for Leaders: 24 Lessons for Extraordinary Leadership*. New York: McGraw-Hill.
- Zumwalt, K., & Craig, E. (2005). Teachers' characteristics: Research on the indicators of quality. Dalam M. Cochran-Smith & K. M. Zeichner (Sid. Ed.), *Studying teacher education: The Report of the AERA Panel on Research and*

*Teacher Education* (him. 174). Washington, DC: American Educational Research Association.